

Headline	Kutip zakat melalui potongan gaji kuasa kerajaan negeri		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	21	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	116 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,512
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,535



Kutip zakat melalui potongan gaji kuasa kerajaan negeri

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa untuk membuat kutipan zakat pendapatan melalui potongan gaji penjawat awam kerana urusan itu terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Seri Jamil Khir Baharom** berkata, perkara itu perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama di negeri masing-masing.

"Zakat pendapatan adalah perkara yang wajib, tetapi pelaksanaan

kutipan pula kuasa sepenuhnya kepada negeri dan adalah sesuatu yang amat sensitif sekiranya zakat dikutip melangkaui sempadan," katanya ketika menjawab soalan tam-

bahan **Datuk Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad (Pas-Pasir Puteh)** di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Jamil Khir berkata, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengemukakan cadangan supaya pekeliling am dikeluarkan untuk pembayaran zakat melalui potongan gaji dilaksanakan ke atas penjawat awam yang beragama Islam di Wilayah Persekutuan.

Katanya, kertas cadangan itu dibentangkan dalam mesyuarat ketua setiausaha kementerian dan ketua perkhidmatan kerajaan Persekutuan minggu lepas.

"Pekeliling am yang dicadangkan itu merupakan arahan pentadbiran

yang berbentuk sukarela di mana hanya penjawat awam yang bersetuju akan dibuat potongan gaji," katanya.

Setakat ini, katanya, negeri-ne-

geri yang telah melaksanakan potongan gaji untuk bayaran zakat ialah Selangor, Johor, Kedah, Melaka dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, agensi lain seperti Lembaga Tabung Haji, MAIWP, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Yayasan Wakaf Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawahar) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) juga telah melaksanakan pembayaran zakat melalui potongan gaji terus ke Pusat Pungutan Zakat bermula Jun tahun ini.